

**KAJIAN KE ATAS PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN
KOMUNIKASI DALAM FIRMA KONTRAKTOR**

KANG JIUN NIAN

**Tesis ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan**

**Jabatan Ukur Bahan
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

NOVEMBER, 2005

ABSTRAK

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi terhadap industri binaan Malaysia semakin berkembang pada masa kini. Ini membawa kepada pengenalan pelbagai teknologi moden dan aplikasi perisian komputer baru yang berupaya memperbaiki proses-proses pembinaan dari permulaan sehingga akhir. Oleh itu, kontraktor pembinaan Malaysia yang sering dikatakan lembap dalam penggunaan teknologi baru perlu melaksanakan teknologi maklumat dan komunikasi untuk memperbaiki dan membantu pengurusan serta pentadbiran perniagaan mereka. Penyelidikan ini dijalankan bagi mengenalpasti penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh kontraktor dimana ia dikaji dari aspek penggunaan sistem teknologi, aplikasi perisian ICT serta skop penggunaan internet dan perdagangan elektronik yang merupakan elemen utama perlaksanaan ICT. Selain itu, penyelidikan ini turut mengkaji halangan-halangan yang dihadapi oleh kontraktor dalam perlaksanaan teknologi maklumat dan komunikasi. Borang soal selidik merupakan kaedah pengumpulan data utama dalam penyelidikan ini dan ia diedarkan kepada 20 responden kontraktor yang dipilih sebagai sampel sahaja. Hasil penyelidikan ini mendapati bahawa penggunaan ICT oleh kontraktor secara keseluruhannya masih amat rendah dan ia tertumpu kepada penggunaan internet dan perisian automasi pejabat yang umum. Kontraktor Malaysia masih ketinggalan berbanding dengan kontraktor negara maju dalam menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi yang khas dalam melaksana aktiviti pembinaan. Manakala halangan utama yang dihadapi oleh kontraktor dalam perlaksanaan ICT adalah halangan ekonomi dan organisasi.

ABSTRACT

Nowadays, the development of information communication technology in Malaysia construction industry is getting compact. It leads to the introduction of various modern technology and computer application software which are able to improve the construction process start from beginning till end. Therefore, construction contractor of Malaysia which always covered by the issue of slower in using new technology need to implement information communication technology as to improve and assist the management and administration of their construction business. This research is carried out as to identify the usage of ICT by the contractor whereby it will study the aspect on using the ICT system and application software, scope of usage if internet and electronic commerce which are the main element of ICT implementation. Besides, this research also study on the barriers faced by the contractor while implement ICT. Questionnaire is the main data collection method in this research whereby it was distributed to 20 respondents. The results show that the overall usage of ICT by the contractor is very low whereby they only concentrate on using the internet and office automation software. Meanwhile, the main barriers that faced by the contractor on implementation of ICT are the economic and organization barriers.